

**PENGLIBATAN PENGUSAHA KAPAL SEWAAN
DALAM PERKEMBANGAN AKTIVITI REKREASI
MEMANCING DI LAUT: KAJIAN KES
KOTA KINABALU**

MOHD ZULHALMI BIN IBRAHIM

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGLIBATAN PENGUSAHA KAPAL SEWAAN DALAM AKTIVITI REKREASI MEMANCING DI LAUT: KAJIAN KES KOTA KINABALU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **Mohd Zulhalmi Bin Ibrahim**, Sesi **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


☒


TIDAK TERHAD


MOHD ZULHALMI BIN IBRAHIM
MA1411041T

Tarikh : 18 Sept 2017

Disahkan Oleh,


NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)


(Profesor Madya Dr. Jabil Bin Mapjabil)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 Sept 2017

.....
Mohd Zulhalmi Bin Ibrahim
MA1411041T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHD ZULHALMI BIN IBRAHIM**

NO. MATRIK : **MA1411041T**

TAJUK : **PENGLIBATAN PENGUSAHA KAPAL SEWAAN DALAM
PERKEMBANGAN AKTIVITI MEMANCING REKREASI DI
LAUT: KAJIAN KES KOTA KINABALU**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

TARIKH VIVA : **02/03/2018**

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA

Profesor Madya Dr. Jabil Mapjabil



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka tesis penyelidikan sarjana ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tesis ini adalah hasil usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Jabil Bin Mapjabil selaku penyelia yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan dedikasi yang diberikan.

Saya turut merakamkan sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) : FRG0419-SS-1/2015 - yang bertajuk "Pembentukan Kerangka Konseptual dan Model Pelancongan Memancing Serta Saling Hubungannya dengan Indsutri Pelancongan" diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jabil Bin Mapjabil. Pengalaman sebagai pembantu penyelidik untuk geran ini adalah sangat bermakna untuk saya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pengurusan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan dan semua pensyarah khususnya pensyarah bahagian Geografi.

Ucapan jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli keluarga terutamanya mama saya Muriani Binti Mondoili dan abah saya Ibrahim Bin Matlin, kakak Norfirdayu Binti Ibraim dan abang Mohd Zulfadli Bin Ibraim yang telah banyak memberikan sokongan moral, menemani ke lokasi kajian dan bantuan kewangan bagi memudahkan saya menjayakan tugas ini. Tidak lupa kepada rakan sepenyeliaan saya iaitu Jirey, Ruzila, Kadir, Logeswaran, Abang Daus dan Kak Mimi atas semangat setiakawan yang ditunjukkan. Sahabat saya Joyiemin Min memberi dorongan dan semangat. Seterusnya, terima kasih kepada sahabat saya, Cassandra Stella Johnes, Nelton Marconi Ardi, Noor Aziela Sabin dan Norzaimah Adnan atas semangat kerjasama yang diberikan.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan hanya Tuhan yang mampu membalasnya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah Azza Wajala dan yang buruk itu adalah kelemahan saya sendiri.

Mohd Zulhalmi Bin Ibrahim

18 Sept 2017

ABSTRAK

Penglibatan pengusaha kapal sewaan terhadap perkembangan aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu. Kajian mengenai aktiviti memancing serta penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing masih kurang dikaji di Malaysia. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu (i) mengenal pasti profil kapal sewaan yang digunakan untuk aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu; (ii) meninjau penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam perkembangan aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu serta; (iii) meneliti sumbangan peranan pihak pemegang taruh dalam membantu pengusaha kapal sewaan dalam perkembangan aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan penerokaan dan tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif sebagai kaedah penyelidikan utama. Responden kajian ini terdiri daripada 14 orang pengusaha kapal sewaan di Kota Kinabalu dan 9 orang pihak pemegang taruh. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual mendalam, temu bual secara tidak langsung, senarai semak dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan profil kapal sewaan aktiviti memancing mempunyai nama, saiz kapal, jenama enjin serta warna kapal yang berbeza, pemilihan kapal sewaan majoriti adalah persendirian, mempunyai alatan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, jeti berlabuh dan memunggang penumpang adalah di jeti segama. Majoriti pemilik kapal menggunakan modal sendiri tanpa bantuan daripada pihak lain, pemilik kapal lebih selesa mengupah pekerja asing, operasi kapal sewaan bergantung kepada cuaca dan giat aktif bermula pada bulan Mei sehingga Ogos, bilangan pekerja di kapal sewaan seramai 3 dengan tugas yang berbeza iaitu sebagai kapten kapal dan 2 orang sebagai krew kapal, majoriti gaji pekerja kapal tidak melebihi RM 1000 sebulan, prosedur permohonan lesen kapal dilakukan di Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh kedua agensi tersebut, majoriti pengusaha kapal menawarkan pakej kepada pemancing dengan menempah terlebih dahulu secara terus di kapal mahupun secara atas talian, harga pakej pemancing tempatan murah berbanding harga pakej yang dikenakan kepada pemancing asing, had maksimum muatan orang di atas kapal tertakluk kepada saiz besar kapal manakala lokasi memancing adalah di sekitar perairan Kota Kinabalu sahaja. Pertandingan memancing peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah menunjukkan majoriti pengusaha kapal sewaan di Kota Kinabalu terlibat setiap tahun. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam perkembangan aktiviti memancing dapat membantu pihak pengusaha kapal sewaan dalam memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik sekali gus mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya.

ABSTRACT

INVOLVEMENT OF CHARTER BOAT OPERATORS IN THE DEVELOPMENT RECREATIONAL FISHING ACTIVITIES AT SEA A CASE STUDY: KOTA KINABALU

The involvement of chartered vessel operators on the development of recreational fishing activities in Kota Kinabalu. The study of fishing and charter-boat operator's involvement in fishing activities in Malaysia still less studied. There are three objectives in this study, namely (i) identify the profile rented boat used for recreational fishing activities in Kota Kinabalu; (ii) review the charter-boat operators involvement in the development of recreational fishing activities in Kota Kinabalu as well; (iii) examine the contribution of the role of the stakeholders in helping entrepreneurs rented boat in the development of recreational fishing activities in Kota Kinabalu. The studies used exploratory approach and review the application of qualitative methods as the main research method. The respondents comprised of 14 businessmen boat rentals in Kota Kinabalu and 9 of the stakeholders. Data collection techniques used was interviews depth interviews indirectly, checklists and observation. The findings show profile charter-boat fishing has a name, the size of the ship, the brand engines and various different ship, possession rented boat majority is private, has security tools that have been set by the Marine Department and the Department of Ports and Harbors, piers to dock and unload passengers is Segama on the quay. The majority of ship owners to use their own capital without the help of other parties, the shipowners more comfortable to hire foreign workers, operating the ship rentals depending on the weather and enterprising active from May to August, the number of workers in the ship rentals of 3 with different tasks, namely as captain ships and 2 as crew members, the majority of salaried workers vessels not exceeding RM 1,000 per month, the application procedures licenses of vessels made in Jabatan Laut Malaysia and Jabatan Pelabuhan dan Dermaga under procedures established by the agency, the majority of ship operators offer packages to anglers with book advance directly in a boat or on-line, the price cheaper than the local angler package than price charged to foreign anglers, a maximum load of people on board vessels subject to the size and location is fishing in the waters around Kota Kinabalu only. International fishing competition organized by the Association of Fisherman Sabah showed a majority of charter-boat operators in Kota Kinabalu involved every year. Hence, the findings show that the involvement of boat operators in the development of fishing activities can assist rental boat operators in ensuring that the facilities and services provided are in good condition and thereby enhancing their service quality.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI FOTO	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
 BAB 1 PENDAHULUAN	 Halaman
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.6.1 Isu Kajian	7

1.6.2	Lokasi Kajian	7
1.6.3	Responden Kajian	7
1.7	Kawasan Kajian	8
1.7.1	Latar Belakang Lokasi Kajian	8
1.7.2	Ciri Persekitaran Fizikal	8
1.7.3	Ciri Persekitaran Manusia	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Organisasi Bab Dalam Tesis	12
1.10	Kesimpulan	13
BAB 2	TINJAUAN BAHAN LITERATUR	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep Utama Kajian	14
2.2.1	Rekreasi	14
2.2.2	Perikanan	15
2.2.3	Aktiviti Memancing Komersial	16
2.2.4	Aktiviti Memancing Rekreasi	17
2.2.5	Aktiviti Memancing di Laut Dalam	18
2.2.6	Aktiviti Memancing di Pinggir Laut (Pinggiran)	19
2.2.7	Kapal Sebagai Pengangkutan Air	20
2.2.8	Kapal Sewaan Aktiviti Memancing Rekreasi	24
2.3	Latar Belakang Teori dan Model	25
2.3.1	Teori Peringkat dan Tahap Pembangunan Pelancongan	25
2.3.2	Model Saling Hubungan Memancing, Masa Lapang, Rekreasi	27

	dan Pelancongan (Kauppilla & Karjalinen, 2012)	
2.3.3	Tipologi Penglibatan Komuniti (Pretty, 1995)	27
2.4	Latar Belakang dan Perkembangan Aktiviti Memancing Rekreasi	29
2.4.1	Latar Belakang Konseptual tentang Aktiviti Rekreasi Memancing	29
2.4.2	Perkembangan Aktiviti Rekreasi Memancing di Malaysia	32
2.4.3	Perkembangan Aktiviti Rekreasi Memancing di Negeri Sabah	33
2.5	Sorotan Kajian Lepas Tentang Aktiviti Rekreasi Memancing	35
2.5.1	Hubungan Aktiviti Memancing, Masa Lapang, Rekreasi dan Pelancongan	35
2.5.2	Implikasi Pembangunan Aktiviti Rekreasi Memancing	36
2.5.3	Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Rekreasi Memancing	37
2.5.4	Isu Pengusaha Kapal dan Bot Sewaan dalam Aktiviti Memancing Rekreasi	38
2.6	Lompang Kajian	39
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.8	Kesimpulan	42
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Kaedah Penyelidikan	44
3.3.1	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	44
3.3.2	Justifikasi dan Kerelevanan Aplikasi Kaedah Kualitatif	45
3.4	Kajian Rintis	45
3.5	Persampelan	46

3.6	Carta Aliran Metodologi Kajian	46
3.7	Instrumen Kajian	49
3.7.1	Borang Panduan Temu Bual	49
3.7.2	Borang Senarai Semak	50
3.7.3	Perakam Suara	50
3.7.4	Telefon Pintar dan Kamera Digital	50
3.8	Teknik Pengumpulan Data	50
3.8.1	Data Primer	51
3.8.2	Data Sekunder	57
3.9	Teknik Analisis Data	59
3.9.1	Data Kajian Kualitatif	59
3.10	Teknik Persempaian Data	60
3.10.1	Pendekatan Analisis Kandungan (Data Kualitatif)	60
3.10.2	Transkripsi Verbatim (Data Kualitatif)	60
3.11	Penulisan Laporan Penyelidikan	61
3.12	Etika Penyelidikan	61
3.13	Kesimpulan	62
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	63
4.1	Pengenalan	63
4.2	Profil Demografik Informan	63
4.2.1	Umur	66
4.2.2	Jantina	66

4.2.3	Status Perkahwinan	66
4.2.4	Bangsa	66
4.2.5	Pekerjaan	67
4.3	Profil Kapal Sewaan yang Digunakan untuk Aktiviti Rekreasi Memancing di Kota Kinabalu	67
4.3.1	Profil Kapal Sewaan	72
a	Nama Kapal	72
b	Saiz Kapal	73
c	Jenis Enjin	74
d	Kuasa Enjin	75
e	Jenis Pemilikan	77
f	Alatan Keselamatan	78
g	Had Muatan	81
h	Kemudahan	82
4.4	Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Perkembangan Aktiviti Rekreasi Memancing di Kota Kinabalu	84
4.4.1	Pengurusan	85
a	Perundangan	85
b	Bukan Perundangan	86
4.4.2	Perkhidmatan	88
a	Pakej	88
b	Tempahan	89
c	Lokasi	90
4.4.3	Pertandingan	92
4.4.4	Penjanaan Ekonomi	94

4.5	Penglibatan Pihak Pemegang Taruh dalam Membantu Pengusaha Kapal Sewaan dalam Perkembangan Aktiviti Rekreasi Memancing di Kota Kinabalu	95
4.5.1	Pengurusan	95
a	Perundangan	96
b	Bukan Perundangan	98
4.5.2	Perkhidmatan	101
a	Pakej	101
b	Tempahan	103
c	Lokasi	105
4.5.3	Pertandingan	106
4.5.4	Penjanaan Ekonomi	108
4.6	Kesimpulan	110
BAB 5	RUMUSAN DAN PENUTUP	111
5.1	Pengenalan	111
5.2	Penemuan Kajian	111
5.2.1	Profil Kapal Sewaan Aktiviti Rekreasi Memancing di Kota Kinabalu	107
5.2.2	Penglibatan Pengusaha Kapal sewaan Mempengaruhi Faktor Perkembangan Aktiviti Rekreasi Memancing di Kota Kinabalu	107
5.2.3	Pihak Berkepentingan dalam Membantu Pengusaha Kapal Sewaan dalam Proses Perundangan, Perkhidmatan, Pertandingan dan Penjanaan Ekonomi	108
5.3	Implikasi Dasar dan Cadangan	108
5.3.1	Menganjur dan Mempromosikan Kapal Sewaan Secara Sistemik, Berterusan Dan Bersepadu	109

5.3.2	Menyedia dan Menawarkan Pakej Aktiviti Memancing Menggunakan Kapal Sewaan Sebagai Produk Tarikan Pelancong	109
5.3.3	Menubuhkan Koperasi Untuk Menjana Modal, Menjaga Kebajikan dan Menyelaras Logistik Kapal Sewaan	110
5.3.4	Mengaplikasikan Kecanggihan Media dan Teknologi untuk Mengurus dan Mempromosikan Sewaan Aktiviti Memancing	111
5.4	Sumbangan Kajian	111
5.4.1	Perusahaan Kapal Sewaan Aktiviti Memancing	111
5.4.2	Bidang Akademik – Geografi Rekreasi	112
5.4.3	Bidang Ekonomi – Komuniti	112
5.4.4	Polisi Dan Dasar Kerajaan	112
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	113
5.6	Penutup	113
RUJUKAN		114
LAMPIRAN		122



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Aktiviti Memancing untuk Negara Terpilih di Dunia	5
Jadual 2.1	Contoh Pertandingan Memancing di Malaysia	17
Jadual 2.2	Tipologi Penglibatan Komuniti	27
Jadual 4.1	Profil Informan Pengusaha Kapal	61
Jadual 4.2	Profil Informan Pemegang Taruh	62
Jadual 4.3	Profil Kapal Sewaan Aktiviti Rekreasi Memancing	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Taburan Peratusan Jumlah Penduduk Terlibat dalam Rekreasi Memancing	4
Rajah 1.2	Peta Kota Kinabalu	8
Rajah 2.1	Proses Prosedur Permohonan Lesen Kapal Jabatan Laut Malaysia	19
Rajah 2.2	Proses Prosedur Permohonan Lesen Kapal Jabatan Pelabuhan dan Dermaga	22
Rajah 2.3	Peringkat dan Tahap Pembangunan Pelancongan	25
Rajah 2.4	Model Saling Hubungan Memancing, Masa Lapang, Rekreasi dan Pelancongan	26
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian	39
Rajah 3.1	Carta Alir Peringkat Penyelidikan	45



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 4.1	Kapal Marlin	70
Foto 4.2	Kapal Blue Ocean	70
Foto 4.3	Enjin Kapal Sewaan	72
Foto 4.4	Lesen Pemilikan Kapal yang Dikeluarkan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah	74
Foto 4.5	<i>Life Buoy</i> (Pelampung Keselamatan)	75
Foto 4.6	<i>Fire Extinguish</i> (Alat Pemadam Api)	76
Foto 4.7	<i>Global Positional System</i> (GPS)	76
Foto 4.8	<i>Life Jacket</i> (Jaket Keselamatan)	77
Foto 4.9	Dapur	79
Foto 4.10	<i>Sonar Fish Finder</i> (Alat Pengesan Ikan)	80
Foto 4.11	Bilik Tidur Kapal Sewaan	80
Foto 4.12	Penyelidik dan Pemancing bersama Hasil Tangkapan	88
Foto 4.13	Poster Sabah International Fishing Tournamet (SIFT)	89
Foto 4.14	Bengkel Sesi Dialog Pengusaha Kapal Sewaan dan Pemancing Rekreasi bersama Persatuan Pengail Sabah di Hotel Yaho Sembulan, Sabah	96
Foto 4.15	Salah Satu Cara Pemancing Rekreasi Mempromosikan Kapal Sewaan	98
Foto 4.16	Jabatan Laut Sabah, Sepanggar	101
Foto 4.17	Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, Sabah	101
Foto 4.18	Umpan Ikan Basung	104

SENARAI SINGKATAN

APMM	Angkatan Pertahanan Maritim Malaysia
GPS	<i>Global Positioning System</i>
JLM	Jabatan Laut Malaysia
JPDS	Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
NRT	<i>Net Register Tonnage</i>
PeMM	Persatuan Memancing Malaysia
SAA	<i>Sabah Angler Associate</i>
SIFT	<i>Sabah International Fishing Tournament</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
ZEE	Zon Ekonomi Eksklusif



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Borang Panduan Temu Bual
- LAMPIRAN B** Contoh Lesen Kapal
- LAMPIRAN C** Foto Kerja Lapangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab 1 adalah bahagian pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian tentang penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi diikuti dengan penelitian terhadap permasalahan kajian serta persoalan kajian yang membawa kepada penyataan tiga objektif dalam kajian ini. Seterusnya, bab ini akan menerangkan skop kajian yang meliputi aspek skop isu yang dikaji, lokasi dan informan serta penjelasan ringkas mengenai profil kawasan kajian. Bahagian akhir bab ini menghuraikan kepentingan kajian diikuti oleh ringkasan organisasi bab dalam tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Aktiviti memancing rekreasi merupakan aktiviti yang berpotensi tinggi untuk di majukan di peringkat kebangsaan dan di peringkat antarabangsa. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk keseronokan, sukan dan sebagai pembekal makanan (Cooke & Cowx 2006). Aktiviti memancing rekreasi didefinisikan sebagai aktiviti menangkap hidupan akuatik yang bertujuan untuk kepentingan diri dan bukan untuk mengaut keuntungan ekonomi (Pawson et al., 2007). Hasil sumber ikan yang didaratkan dianggarkan sebanyak 12 peratus pada skala global (Arlinghaus & Cooke 2008). Sehubungan itu, aktiviti memancing rekreasi didapati menyumbang terhadap ekonomi dan sosial terhadap negara (Lewin et al., 2006). Walau bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan terhadap hasil sumber ikan yang didaratkan dalam sektor perikanan berasaskan komersial. Hal ini menyebabkan sumber ikan semakin berkurangan serta menyebabkan kelestarian hidupan marin terganggu. Namun, aktiviti memancing rekreasi dan komersial penting sebagai pembekal sumber protein dan menyumbang terhadap ekonomi negara (Cowx, 2002; Hilborn et al., 2003; Arlinghaus et al., 2002). Oleh itu, untuk terus

mengealkan sumber ikan daripada dieksplotasi secara berlebihan, sesebuah negara haruslah mempunyai strategi dan pengurusan yang tersendiri untuk membolehkan sumber ikan tidak dieksplotasi secara berlebihan (McPhee et al., 2002).

Bagi tujuan aktiviti memancing rekreasi, hanya peralatan joran atau kail-mengail sahaja yang dibenarkan. Selain itu, perkhidmatan kapal sewaan diperlukan dalam aktiviti memancing rekreasi khususnya di laut. Perkhidmatan kapal sewaan penting sebagai satu medium untuk membawa pemancing dan mengangkut hasil tangkapan yang diperolehi. Tambahan pula, industri kapal sewaan mampu menjana dan meningkatkan ekonomi hasil daripada aktiviti memancing rekreasi seklaigus memberi pekerjaan kepada komuniti terdekat.

Potensi perairan laut Kota Kinabalu yang kaya dengan spesis ikan dan sumber ikan yang masih banyak menjadikan industri kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi semakin popular. Lokasi perairan laut Kota Kinabalu yang dikelilingi dengan Laut Sulu di bahagian Pantai Barat dan berdekatan dengan Laut Cina Selatan turut menjadi salah satu faktor industri kapal sewaan di Kota Kinabalu terus berkembang.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN


Kajian mengenai aktiviti memancing masih kurang dilakukan di Malaysia umumnya dan Sabah khasnya. Kajian aktiviti memancing yang dilakukan di Malaysia hanya terdapat empat kajian sahaja iaitu kajian peringkat sarjana di Universiti Teknologi Malaysia yang ditulis oleh Ismail Mudin (2007) yang bertajuk "Potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin" (tidak diterbitkan), kedua ialah artikel yang ditulis oleh Alias et al. (2014) bertajuk *Sustainable approach of fishing tourism in Kenyir Lake* yang diterbitkan dalam *Proceedings of the International Hospitality and Tourism Postgraduate Conference* dalam persidangan yang dianjurkan di Shah Alam, Selangor pada 2 – 3 September 2013 dan yang ketiga ialah artikel yang ditulis oleh Mohd Azim Mohd Khatib yang bertajuk *Sociological study of fishing themes commonly sought by recreational anglers* diterbitkan oleh *International Journal of Humanities and Social Science*

(Vol. 5, No. 3, March 2015). Kempat adalah kajian mengenai konseptual, segmentasi dan teori pelancongan serta potensi penyelidikan aktiviti memancing yang ditulis oleh Zuhalmi et al. (2015). Oleh itu, kajian ini adalah relevan kerana kajian mengenai aktiviti memancing rekreasi di pesisir laut belum dikaji lagi.

Aktiviti memancing rekreasi ini bukanlah suatu perkara yang baharu kepada pelancong terutamanya di sekitar Kota Kinabalu. Namun begitu, tiada rekod dan kajian ilmiah dilakukan berkaitan profil pemancing rekreasi di Kota Kinabalu serta motif yang mendorong mereka melakukan aktiviti tersebut. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh pemancing rekreasi turut diteliti dan seterusnya langkah menangani masalah berkenaan. Aspek kemudahan, perkhidmatan dan infrastruktur pelancongan yang berkualiti dan mencukupi merupakan elemen penting yang masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, kualiti dan kuantiti kemudahan dan perkhidmatan terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti memancing perlu diberi perhatian oleh pihak yang berkaitan bagi memastikan Kota Kinabalu dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pemancing.

Model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter & Stronza (2014) adalah selaras dengan kajian ini, keperluan mengemukakan kerangka konseptual dalam konteks klasifikasi, tipologi dan jenis dalam aktiviti memancing rekreasi di Malaysia memandangkan aktiviti memancing adalah salah satu tarikan pemancing untuk berkunjung di negara ini. Terdapat banyak jenis dan kategori serta profil dan tipologi aktiviti memancing yang belum didokumentasikan berdasarkan lokasi tempat memancing seperti memancing di (i) pinggir; (ii) laut dalam; (iii) kolam buatan; (iv) tasik dan (vi) sungai. Selain itu, aktiviti memancing yang melibatkan pertandingan memancing di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga kini, tidak ada pengkategorian dan tipologi khusus berkaitan dengan aktiviti memancing rekreasi seperti kategori dan jenis pemancing rekreasi, kepelbagaian lokasi memancing, kos yang dibelanjakan oleh pemancing serta aksesibiliti terhadap kemudahan para pemancing, pelancong asing yang lazim seperti penginapan, makanan minuman, agensi perjalanan dan lain-lain dan jenis kapal dan bot yang digunakan, kaedah tempahan kapal dan bot.

Selain itu, kekurangan sumber maklumat dan data mengenai aktiviti memancing rekreasi di Malaysia menjadi isu dan berpotensi tinggi sebagai isu penyelidikan dan cabaran pada masa hadapan di Malaysia. Menurut Arlinghaus et al. (2009), aktiviti memancing rekreasi bukan hanya berkonsepkan masa terluang, pelancongan dan komersial tetapi aktiviti memancing rekreasi melibatkan komuniti nelayan, komuniti pesisir pantai serta masyarakat untuk menyara kehidupan dengan memancing. Rajah 1.1 menunjukkan pola taburan peratusan penduduk mengikut negara yang terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi di dunia. Negara yang memiliki data mengenai aktiviti memancing rekreasi majoritinya di negara Barat seperti di Norway, Belanda, Sweden, Jerman, Perancis. Di negara Asia, negara yang mempunyai data mengenai aktiviti memancing rekreasi adalah seperti di Jepun dan China. Namun, negara yang tidak memiliki data peratusan jumlah penduduk terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi di dunia adalah seperti di Malaysia, Indonesia dan Filipina yang kebanyakannya adalah negara dunia ketiga.



Rajah 1.1 : Taburan Peratusan Jumlah Penduduk Terlibat dalam Rekreasi Memancing

Sumber : Arlinghaus et al. (2009).

Berdasarkan hasil penelitian beberapa buah negara oleh Ditton (2009), Malaysia berpotensi untuk pembangunan aktiviti memancing rekreasi kerana lokasi negaranya yang dikelilingi dengan perairan lautan yang memiliki pelbagai sepsis

hidupan marin. Walau bagaimanapun, rekod mengenai aktiviti memancing rekreasi tidak direkodkan, hanya rekod mengenai aktiviti perikanan komersial sahaja yang direkodkan. (Jadual 1.1). Selain itu, aktiviti memancing rekreasi mahupun komersial memerlukan kapal dan bot untuk pergi memancing di tengah lautan, pinggir dan sungai. Menurut James dan Unwin (2000), perkhidmatan kapal dan bot aktiviti memancing sangat penting dalam aktiviti memancing rekreasi. Tambahan pula, pertandingan aktiviti memancing memerlukan perkhidmatan kapal untuk membawa pemancing ke laut. Oleh itu, kajian pengusaha kapal sewaan di Kota Kinabalu adalah signifikan terutamanya dalam perkembangan aktiviti memancing rekreasi umumnya di Sabah dan khususnya di Kota Kinabalu.

Jadual 1.1: Statistik Aktiviti Memancing untuk Negara Terpilih di Dunia

Negara	Populasi 2006	Jumlah Pemancing	Penyertaan (%)	Kekerapan Memancing (hari/tahun)	Perbelanjaan Per tahun	Tanggungjawab pengurusan utama	Lesen Memancing
Australia	20 juta	3.4 juta	20	6	€161	• Peringkat negeri	• Dua daerah
China	1300 juta	90 juta	7	-	-	• Persendirian	• Tiada permit untuk memancing secara persendirian
Finland	5.2 juta	1.9 juta	35-40	19	€176	• Pemilik tanah persendirian	• Pelbagai lesen
German	82 juta	3.3 juta	47	31	€379	• Pemegang hak persendirian milik swasta	• Lesen peringkat kebangsaan dan negeri • Permit menggunakan perairan peribadi
Lithuania	3.6 juta	1.5 juta	55	-	€40.5	• Lembaga Pembangunan Memancing (kerajaan dan bukan kerajaan)	• Tiada lesen
Malaysia	24.4 juta	Tidak dapat ditentukan	Tidak dapat ditentukan	-	-	• Peringkat kebangsaan	• Tiada lesen
Belanda	16.5 juta	1.78 juta	11	-	-	• Water boards and fishing club	• Lesen sukan memancing Belanda
Sweden	9 juta	3 juta	33	10	€111	• Pemegang hak persendirian milik swasta	• Pelbagai lesen
USA	212.3 juta	34.1 juta	16	16	€326	• Peringkat negeri	• Lesen negeri

Sumber: Ditton (2009).

Berdasarkan beberapa hujah yang diuraikan tadi jelas menunjukkan penglibatan pengusaha kapal sewaan berpotensi dan penting dalam aktiviti memancing rekreasi sebagai pengangkutan utama kerana kajian terhadapnya masih kurang dan terbatas. Permasalahan kajian ini membawa kepada usaha untuk menyelesaikan beberapa persoalan seperti apakah profil kapal sewaan terhadap perkembangan aktiviti memancing rekreasi di laut? Adakah penglibatan pengusaha kapal sewaan mempengaruhi faktor perkembangan aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu? Bagaimana pihak berkepentingan dalam membantu pengusaha